

PNB kumpul pelaburan RM38b

2002

Oleh NORBAKTI ALIAS

ALOR STAR: Permodalan Nasional Berhad (PNB) berjaya mengumpul RM38 bilion pelaburan daripada kira-kira tujuh juta pelabur dalam sembilan produk pelaburannya setakat ini.

Antara produk pelaburan PNB adalah Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Wawasan.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah, berkata peningkatan pelaburan itu boleh dikaitkan dengan pemahaman masyarakat pelabur menerusi Minggu Amanah Saham yang diadakan secara tahunan sejak dua tahun lalu.

"Pendedahan yang diberikan sewaktu kempen Minggu Amanah Saham itu memberi keyakinan kepada orang ramai apabila didedahkan dengan bentuk pelaburan yang dibuat PNB.

"Mereka lebih senang untuk mengetahui di mana wang mereka dilaburkan berbanding skim cepat kaya yang langsung tidak diketahui di mana pelaburannya," katanya selepas mesyuarat Minggu Amanah Saham di Wisma Darulaman, di sini semalam.

Turut hadir, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ahmad Bashah Md Hanifah.

Minggu Amanah Saham peringkat kebangsaan tahun ini akan diadakan di sini dari 20 hingga 26 April. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikannya manakala timbalannya, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi, dijadualkan menutupnya.

Mengenai golongan yang dikenal pasti banyak melabur, Hamad berkata statistik menunjukkan pelabur PNB datangnya daripada semua golongan.

"Sebanyak 80 peratus daripada anggota berpakaian seragam sudah melabur, begitu juga petani, nelayan, peneroka malah pemimpin negara.

"Bagi memastikan orang kaya tidak memonopolinya, kita hadkan jumlah pelaburan kepada RM250,000 agar golongan bawahan turut dapat berkongsi nikmat," katanya.

Ditanya sama ada jumlah pelabur meningkat selepas dua kempen Minggu Amanah Saham terdahulu, Hamad berkata pihaknya tidak boleh mengharap peningkatan mendadak kerana apa yang penting adalah untuk orang ramai faham mengenai pelaburan mereka.

"Pendekatan kempen ini adalah pendidikan untuk pelabur. Kita mahu mereka faham dan kenal pengurus yang menguruskan pelaburan mereka," katanya.